



# PELAN INTEGRITI ORGANISASI

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 2013-2015





# PELAN INTEGRITI ORGANISASI

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 2013-2015

# PELAN INTEGRITI ORGANISASI KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 2013-2015

## 1. Pendahuluan

Pelan Integriti Organisasi (PIO) Kementerian Pengangkutan (MOT) edisi kedua mengandungi program serta aktiviti yang akan dilaksanakan bagi tempoh 2013 hingga 2015 ke arah pembudayaan amalan kerja berintegriti di MOT.

## 2. Latar Belakang

Pelan Strategik Kementerian Pengangkutan 2011-2015 menetapkan Tadbir Urus Yang Baik sebagai Teras Keenam. Maka itu, Pelan Tindakan Integriti yang awal dikemaskini bagi meningkatkan kesedaran dan pembudayaan amalan integriti dalam persekitaran kerja di MOT.

### 3. Objektif PIO MOT

#### **Objektif PIO MOT adalah:**

- 3.1 Memperkukuhkan asas nilai-nilai murni dan membudayakan integriti sebagai amalan warga kerja;
- 3.2 Mempertingkatkan tadbir urus baik, kompetensi teras dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- 3.3 Mempertingkatkan daya tahan (resilience) dan produktiviti warga kerja bagi menangani pelbagai cabaran.

### 4. Strategi PIO MOT

Sebanyak lima (5) strategi ditetapkan bagi mencapai objektif yang disasarkan iaitu:

- 4.1 Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik;  
Strategi ini memberi penumpuan kepada mekanisme pemantauan tadbir urus terbaik.
- 4.2 Meningkatkan Kesedaran dan Mewujudkan Budaya Kerja Berintegriti;  
Strategi ini bertujuan melahirkan warga yang mempunyai sahsiah dan kesedaran integriti yang tinggi.

- 4.3 Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan;  
Strategi ini bertujuan memberi fokus kepada prosedur dan proses kerja yang berkesan.
- 4.4 Memantapkan Sistem Kawalan Dalaman;  
Strategi ini menekankan mengenai langkah pencegahan dan mekanisme kawalan bagi memastikan warga mematuhi peraturan dan dasar yang telah ditetapkan.
- 4.5 Mengurus Prestasi dan Pengiktirafan.  
Strategi ini bertujuan memberi penghargaan dan pengiktirafan sebagai dorongan dan motivasi kepada warga yang memberikan prestasi yang cemerlang.

## 5. Penutup

Penyediaan PIO MOT merupakan komitmen padu semua peringkat perkhidmatan di MOT ke arah pembudayaan amalan kerja berintegriti.



# PELAN TINDAKAN PIO

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN 2013-2015

## Strategi 1: Memantapkan Keberkesanan Tadbir Urus Terbaik

Bil	Program/Aktiviti	Matlamat/ Objektif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan	Tindakan Yang Perlu Dilakukan
1.	Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus	Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus	BPSM	2013-2015	Mengadakan Mesyuarat JKU 3 kali setahun.
2.	Pematuhan Kriteria Sistem Star Rating (SSR)	Memastikan jentera pentadbiran MOT efisien, efektif dan berintegriti tinggi.	BPK	2013-2015	Memenuhi kriteria dalam Sistem Star Rating.  Mensasarkan pencapaian sekurang-kurangnya 4 Bintang
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)	Memastikan peraturan dan arahan dalam pengurusan kewangan dan akaun dipatuhi.	BPK	2013-2015	Memastikan pematuhan terhadap Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti.  Mengadakan Mesyuarat JPKA empat (4) kali setahun.

BPSM - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
 BPK - Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
 BPP - Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

UKK - Unit Komunikasi Korporat  
 UAD - Unit Audit Dalam



## Strategi 2: Meningkatkan Kesedaran dan Mewujudkan Budaya Kerja Berintegriti

Bil	Program/Aktiviti	Matlamat/ Objektif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan	Tindakan Yang Perlu Dilakukan
1.	Pemantapan Motivasi dan Jati Diri Warga MOT	Meningkatkan pemahaman, kesedaran dan pematuhan kepada peraturan yang berkuatkuasa.	BPSM	2013-2015	Penyebaran risalah/artikel /poster berkaitan nilai-nilai murni sekali setiap bulan.
2.	Program Pengukuhan Integriti	Memperkukuhkan kesedaran integriti .	BPSM	2013-2015	Menganjurkan kursus motivasi/ ceramah agama/ forum integriti sekurang-kurangnya 2 kali setahun.
3.	Pemantauan Integriti Warga MOT	Meningkatkan kesedaran terhadap jenayah rasuah, penyelewengan dan gejala rasuah di kalangan warga MOT dan stakeholders.	BPSM	2013-2015	Setiap Warga MOT mengemaskini maklumat pemilikan harta sekurang-kurangnya 5 tahun sekali.  Menyediakan laporan status pengisytiharan harta pada bulan Januari setiap tahun.
4.	Penganjuran Majlis Amanat KSU	Pengurusan Tertinggi menyampaikan visi, misi dan halatuju tahunan sebagai mandat dan aspirasi kepada warga MOT.	BPSM	2013-2015	Mengadakan Majlis Amanat KSU pada bulan Januari setiap tahun.

### Strategi 3: Meningkatkan Keberkesanan Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Bil	Program/Aktiviti	Matlamat/ Objektif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan	Tindakan Yang Perlu Dilakukan
1.	Peningkatan Kompetensi warga MOT	Menyediakan pegawai yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya saing.	BPSM	2013-2015	<p>Memastikan sekurang-kurangnya 90% pegawai MOT menghadiri 7 hari kursus dalam setahun.</p> <p>Memastikan peruntukan latihan tahunan mencukupi (sekurang-kurangnya 1% daripada jumlah emolumen).</p>
2.	Pengemaskinian Manual Prosedur Kerja (MPK)	Memantapkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan seiring dengan peraturan semasa.	BPK	2013-2015	MPK dan Fail Meja dikemaskini setiap 3 tahun dan mengadakan pemantauan secara berterusan.
3.	Penambahbaikan proses kerja melalui perekayasaan	Mempertingkatkan keberkesanan proses kerja.	BPP	2013-2015	Mengadakan kajian proses/prosedur kerja setiap 3 tahun.

<b>Bil</b>	<b>Program/Aktiviti</b>	<b>Matlamat/ Objektif</b>	<b>Pelaksana</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Tindakan Yang Perlu Dilakukan</b>
4.	Penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) dan Hari Inovasi	Meningkatkan budaya kerja yang berkualiti, kreatif dan inovatif serta berdaya saing.	BPP	2013-2015	<p>Mengadakan Kursus Pengenalan KIK kepada warga MOT.</p> <p>Menubuhkan Kumpulan KIK untuk mengenalpasti punca masalah dan mencari usaha penyelesaian yang inovatif.</p>
5.	Penyediaan maklumat dan penerbitan	Penyebaran dan perkongsian maklumat mengenai pengangkutan.	<p>UKK</p> <p>BPM</p>	2013-2015	<p>Menerbitkan buletin/brosur/pamphlet untuk hebahan kepada orang awam tiga (3) kali setahun.</p> <p>Menerbitkan Laporan Tahunan sekali setahun.</p> <p>Memastikan laman web dikemaskini setiap bulan.</p>

Bil	Program/Aktiviti	Matlamat/ Objektif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan	Tindakan Yang Perlu Dilakukan
6.	Pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat	Memastikan sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus ICT dilaksanakan berdasarkan Dasar Keselamatan ICT Negara.	BPM	2013-2015	Memperluaskan penggunaan teknologi komunikasi (ICT) dalam pelaksanaan tugas dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat.
7.	Kajian Kepuasan Pelanggan Terhadap <i>Frontliners</i>	Memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan melalui maklumbalas yang diterima daripada pelanggan.	UKK	2013-2015	Menyediakan Borang soal selidik pelanggan dan memastikan mutu perkhidmatan kaunter sentiasa cemerlang dan mesra pelanggan.
8.	Pengurusan Aduan	Memastikan aduan pelanggan diurus dan diselesaikan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.	UKK	2013-2015	Menyediakan laporan aduan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan setiap minggu.
9.	Pelaksanaan Bengkel Pengurusan Aduan	Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga Kementerian dan Jabatan.	UKK	2013-2015	Mengadakan bengkel pengurusan aduan dua (2) kali setahun.

### Strategi 4: Memantapkan Sistem Kawalan Dalaman

Bil	Program/Aktiviti	Matlamat/ Objektif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan	Tindakan Yang Perlu Dilakukan
1.	Pelaksanaan audit dalaman bagi memantau pelaksanaan dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan sedia ada serta prosedur sistem kerja semasa.	Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan semasa serta wujudnya <i>check and balance</i> di dalam urusan atau aktiviti harian.	UAD	2013-2015	Mengadakan pengauditan pengurusan kewangan sekurang-kurangnya sekali setahun.  Menjalankan auditan terhadap projek / aktiviti / sistem sekurang-kurangnya sekali setahun.
2.	Pelaksanaan audit Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di MOT	Memastikan pengurusan sumber manusia mematuhi dasar dan peraturan yang berkuatkuasa	BPSM	2013-2015	Melaksanakan pengauditan PSM ke atas tiga (3) Bahagian/Unit setiap tahun.
3.	Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)	Menilai keberkesanan program nilai-nilai murni di MOT	BPSM	2013-2015	Menjalankan kajian Audit Nilai sekali setahun.

Bil	Program/Aktiviti	Matlamat/ Objektif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan	Tindakan Yang Perlu Dilakukan
4.	Pematuhan waktu bekerja	Memastikan pegawai mematuhi peraturan waktu bekerja yang telah ditetapkan.	Semua Bahagian /Unit	2013-2015	Menyediakan laporan kehadiran warga MOT setiap bulan.
5.	Program Pembangunan Sahsiah	Menerapkan nilai etika dan sikap yang positif melalui pendekatan psikologi	BPSM	2013-2015	Merancang kursus/seminar/ceramah bagi mempertingkatkan motivasi warga MOT sekurang-kurangnya dua kali setahun.
6.	<i>Mystery Shopping</i>	<p>Memastikan pematuhan kepada peraturan/etika kerja dan disiplin.</p> <p>Memastikan amalan budaya kerja berteraskan konsep 1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• UKK</li> <li>• UAD</li> <li>• BPSM</li> <li>• BPK</li> </ul>	2013-2015	<p>Mengadakan <i>Mystery Shopping</i> terhadap pematuhan peraturan dan etika kerja sekurang-kurangnya sekali setahun.</p> <p>UKK – Panggilan telefon  BPSM – Hal-hal berkaitan perkhidmatan  BPK – Sistem Dokumentasi  UAD – Pematuhan Prosedur Kerja</p>

### Strategi 5: Mengurus Prestasi dan Pengiktirafan

Bil	Program/Aktiviti	Matlamat/ Objektif	Pelaksana	Tempoh Pelaksanaan	Tindakan Yang Perlu Dilakukan
1.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC)	Memberi pengiktirafan kepada warga MOT yang telah menunjukkan khidmat cemerlang pada tahun semasa	BPSM	2013-2015	Mengadakan Majlis APC dan PPC sekali setahun.
2.	Pencalonan Penganugerahan Pingat	Menyelaras dan mengesyorkan pegawai yang berkecualan untuk diperakukan penganugerahan pingat	BPSM	2013-2015	Mengemukakan 15 pencalonan (mengikut bilangan negeri dan wilayah) setiap tahun.
3.	Penganugerahan Sijil Prestasi Cemerlang	Memberi penghargaan kepada pegawai yang mencapai markah LNPT 90% dan ke atas	BPSM	2013-2015	Mengadakan Majlis Penganugerahan sekali setahun.

<b>Bil</b>	<b>Program/Aktiviti</b>	<b>Matlamat/ Objektif</b>	<b>Pelaksana</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Tindakan Yang Perlu Dilakukan</b>
4.	Pekerja Contoh Bahagian/Unit	Memberi pengiktirafan kepada warga yang komited dan berprestasi tinggi	Semua Bahagian /Unit	2013-2015	Mengadakan pemilihan Pekerja Contoh di peringkat Bahagian/Unit dua (2) bulan sekali.
5.	Pekerja Contoh MOT	Memberi pengiktirafan tertinggi di peringkat Kementerian bagi pegawai yang komited dan berprestasi tinggi.	BPSM	2013-2015	Mengurusetikan pemilihan Pekerja Contoh MOT sekali setahun.











## **KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Aras 5, Blok D5, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62616 Putrajaya.

Tel: 03-8886 6000 Fax: 03-8889 2537